

# Kuala Lumpur sedia

© Dr. M-overseas trips.

U.M. 16 APR 1994

PHNOM PENH 15 April — Malaysia akan memberi segala bantuan yang termampu untuk menolong Kemboja dalam proses pembinaan semulanya dengan memberi tekanan kepada aspek latihan bagi membolehkan rakyatnya membangunkan negara mereka, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keadaan di Kemboja sekarang sudah stabil di mana rakyatnya merasa selamat dan bersedia untuk memulakan hidup baru di bawah kerajaan yang mereka pilih.

"Saya tidak fikir Khmer Rouge akan menawan negara ini sekali lagi," ujar beliau pada sidang akhbar pagi ini.

Dr. Mahathir yang sedang melakukan lawatan rasmi dua hari ke sini berkata, beberapa bidang di mana Malaysia boleh membantu Kemboja sudahpun dikenalpasti dalam rundingan dua hala yang beliau adakan dengan rakan-rakan sejawatannya semalam.

Antara lain, Kemboja berminat untuk membuka rancangan-rancangan tanah seperti FELDA dan mengundang penyertaan Malaysia dalam memulihkan semula infrastrukturnya.

Dalam bidang latihan, seminar-seminar tertentu akan diatur di mana pakar-pakar dari Malaysia akan datang ke mari untuk memberi bimbingan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan para pegawai agensi-agensi pembangunan yang lain.

Dr. Mahathir berkata, lawatan beliau memang bertujuan mencari jalan dan cara mana Malaysia dapat membantu Kemboja dalam pembangunan semulanya.

Di samping itu, tambahnya, pihak Kemboja juga menerangkan tentang peluang-peluang pelaburan yang wujud di sini serta langkah-langkah yang sedang diambil untuk memudahkan pihak swasta asing menjalankan kegiatan mereka tanpa banyak kerengah.

Menjawab pertanyaan para wartawan Perdana Menteri berkata, beliau menyifatkan lawatannya sebagai kunjungan bagi memperbaharui ikatan persahabatan yang sudah begitu lama wujud di antara kedua-dua buah negara.

Katanya lagi, lawatan pertama Perdana Menteri Malaysia berlangsung 30 tahun yang lalu walaupun jarak kedua-dua buah negara begitu dekat dan terdapat pula talian antara rakyat sejak lama dahulu.

## bantu Phnom Penh

"Sekarang adalah masa untuk memperbaharui semula itu," ujarnya.

Menjawab pertanyaan lain, Dr. Mahathir berkata, adalah perkara biasa bagi Kemboja memandang kepada Malaysia sekarang kerana "mereka melihat kami sebagai sebuah model yang boleh dijadikan ikutan."

Beliau menarik perhatian, sokongan Malaysia kepada Kemboja bukanlah suatu perkara baru, ia merupakan sokongan yang diberikan sepanjang masa.

Perdana Menteri juga memberitahu bahawa beliau akan menasihatkan Penerbangan Malaysia (MAS) menimbang kemungkinan menambah lagi jumlah penerbangannya ke Phnom Penh. MAS kini terbang tiga kali seminggu ke sini.

Selain itu, katanya, rundingan sedang berjalan untuk membolehkan beberapa perjanjian dua hala ditandatangani bagi memudahkan kegiatan ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Antaranya ialah Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) yang dijangka dapat ditandatangani tidak lama lagi.

Berhubung pelawaan menyertai ASEAN, Perdana Menteri memberitahu bahawa Kemboja sememangnya berhasrat untuk berbuat demikian, tetapi merasakan masanya belum sesuai lagi.

Diminta merumuskan hasil lawatannya, Dr. Mahathir menjawab: "Ia sangat berhasil dan amat bermakna."

Terdahulu, Perdana Menteri melancarkan syarikat telekomunikasi pertama Malaysia-Kemboja yang dikenali sebagai TRICELCAM, syarikat usahasama antara anak syarikat Technology Resources Industries Berhad (TRI), Celcom Sdn. Bhd. (70 peratus) dengan Kementerian Pos dan Telekomunikasi Kemboja (30 peratus).

TRICELCAM memulakan operasinya September tahun lalu dengan memperkenalkan sistem telekomunikasi cellular di Phnom Penh. Ia mempunyai kemampuan memberi perkhidmatan kepada 10,000 pelanggan. Pelaburannya berjumlah AS\$10 juta setakat ini. — Utusan.